



**Gabungan Sekolah-Sekolah Mubaligh Kristian Malaysia
FEDERATION OF CHRISTIAN MISSION SCHOOLS MALAYSIA
(FCMSM)**

BB Education Centre, Bangunan CBMPTB, c/o SMK (L) Bukit Bintang,
Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia

Tel: +6010-9217663

email: adminoffice@fcmsm.org website: www.fcmsm.org

Ruj: FCMSM/MOE/2023/5

Tarikh: 27^{hb} Oktober 2023

Yang Berhormat Puan Fadhlina Binti Sidek
Menteri Pendidikan
Aras 10 Blok E8
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Yang Berhormat Puan Fadhlina,

**PELAKSANAAN MINGGU SOLIDARITI PALESTIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Perkara di atas dan surat siaran yang dikeluarkan kepada semua Ketua Bahagian dan Pengarah Pendidikan Negeri pada 21 Oktober 2023 ruj: KPM.100-1/3/2 Jld.7(50) dirujuk.

Pihak kami berpandangan isu ini tidak wajar dibawa ke sekolah-sekolah. Kami berpendapat sekolah yang mempunyai warga yang belum cukup matang adalah tempat menanamkan nilai-nilai murni seperti cintakan pada keamanan, persahabatan dan perpaduan. Namun, aktiviti-aktiviti yang dicadangkan untuk program ini akan membawa kesan yang sebaliknya. Mereka akan rasa keliru kenapa isu konflik antara negara yang merupakan hal ehwal orang dewasa perlu melibatkan mereka.

Sebarang konflik di medan dunia tidak dapat disimpulkan pihak bersalah atau betul kerana ia melibatkan isu ideologi, geopolitik, sosial dan ekonomi yang rumit. Kami sedar bahawa segala tindakan yang tidak berperikemanusiaan patut dikecam tanpa melibatkan isu agama dan bangsa. Oleh yang demikian, anak-didik di bangku sekolah seharusnya dididik untuk hidup dengan harmoni dan mencintai ketenteraman selaras dengan prinsip Rukun Negara yang begitu indah. Usaha Kementerian untuk mendidik nilai-nilai manusiawi dan hak-hak asasi manusia dan keprihatinan terhadap penderitaan yang dialami individu lain tanpa mengira bangsa, agama atau status sosial penderitaan amat dihargai.

Oleh yang demikian, kami mencadangkan agar sekolah-sekolah mengadakan sesi doa mengikut agama masing-masing memohon supaya konflik antara negara di dunia dapat diselesaikan dengan cara aman melalui perundingan dan bukan di medan peperangan. Murid sekolah harus dididik mencintakan keamanan dan membenci peperangan tanpa merujuk kepada sesuatu konflik antarabangsa yang spesifik sahaja.

Dengan rendah hati, kami memohon agar program yang dicadangkan ditarik balik atau tidak diwajibkan atau diberi nafas yang selari dengan prinsip Rukun Negara yang menjadi pegangan hidup rakyat Malaysia.

Yang benar,



.....
(THOMAS HUO KOK SEN)

Pengerusi,
Gabungan Sekolah-Sekolah Mualigh Kristian Malaysia

s.k.
Yang Berhormat Pn Lim Hui Ying
Timbalan Menteri Pendidikan

Yang Bahagia Datuk Hj. Pkharuddin Bin Hj. Ghazali
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia